



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

# Pelan Tindakan Keusahawanan

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

2016-2020



2016-2020 **Pelan Tindakan Keusahawanan**  
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

*Mesej*  
**Menteri Pendidikan Tinggi**



**DATO' SERI IDRIS JUSOH**



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia**

Malaysia kini berada pada landasan yang terbaik untuk mencapai sasaran sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi, inklusif dan berpaksikan inovasi. Dalam konteks pembangunan masyarakat dan ekonomi, melahirkan golongan usahawan dan menggalakkan keusahawanan di kalangan rakyat secara amnya, dan di kalangan pelajar secara khususnya, amatlah penting dalam usaha untuk merealisasikan aspirasi ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, pembangunan modal insan melalui aktiviti keusahawanan telah dikenalpasti sebagai boleh penting dalam menyokong peralihan sektor-sektor ekonomi kepada aktiviti berintensif pengetahuan dan inovasi.

Sehubungan itu, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) perlulah proaktif dalam mentransformasikan sistem penyampaian mereka agar lebih bersifat fleksibel dan *entrepreneurial*, serta menepati kehendak lokal namun bersifat global untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang mampu melahirkan insan yang holistik, seimbang dan mempunyai minda keusahawanan yang berupaya bertindak sebagai penjana pekerjaan (*job creator*) seperti yang dihasratkan di bawah Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT).

Program keusahawanan IPT yang berstruktur dan holistik memberi peluang kepada pelajar untuk menjana pendapatan semasa dalam pengajian, di samping berupaya meningkatkan tahap employabiliti mereka. Manakala, idea keusahawanan dan pelan perniagaan yang dihasilkan melalui kerjasama antara pelajar, pensyarah, industri dan kumpulan sasar di bawah program keusahawanan sosial pula mampu untuk mendayakan ekonomi masyarakat dan komuniti setempat.

Justeru, saya amat mengalu-alukan penghasilan **Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020** ini dan percaya bahawa perancangan yang tersusun serta pelaksanaan yang komited oleh pelbagai pihak, khususnya IPT terhadap Pelan Tindakan ini dapat mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan lestari demi merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah “*Entrepreneurial Nation*”.

Sekian, terima kasih.



DATO' SERI IDRIS JUSOH

**Prakata**  
**Ketua Setiausaha**  
Kementerian Pendidikan Tinggi



DATO' SERI IR. DR. ZAINI UJANG

# Pelan Tindakan Keusahawanan INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI 2016-2020

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia**

Sistem pendidikan tinggi Malaysia telah melalui pelbagai proses transformasi supaya sentiasa relevan dan berdaya saing seiring dengan persaingan global. Pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) pada 7 April 2015 telah menggariskan 10 lonjakan asas yang memfokuskan kepada aspirasi pihak berkepentingan dalam pendidikan tinggi dan pengukuhan ekosistem.

Selaras dengan Lonjakan 1 dan 5 PPPM (PT), Kementerian Pendidikan Tinggi telah membangunkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 bagi memupuk minda keusahawanan ke dalam seluruh sistem pendidikan tinggi agar dapat melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang sebagai *job creator*, dan memastikan kemampuan kewangan institusi dengan bertindak lebih *entrepreneurial* terhadap sumber pendanaan pendidikan tinggi untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber Kerajaan.

Kementerian melalui Institusi Pendidikan Tinggi juga sentiasa komited melaksanakan inisiatif di bawah *job creator framework* yang dirangka di bawah Pelan Tindakan ini agar kadar employabiliti graduan akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

Akhir kata, saya menyeru kerjasama dan komitmen semua pihak untuk menjayakan pelaksanaan Pelan Tindakan ini. Semoga hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi berpaksikan inovasi dan keusahawanan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**DATO' SERI IR. DR. ZAINI UJANG**

## Peratus graduan (13) usahawan meningkat

**Putrajaya:** Sebanyak tiga hingga lima peratus dari pada jumlah lulusan universiti pada setiap tahun dijangka merasikkan bidang keusahawanan sebaik kerjaya pilihan menjelang 2020.

Menteri Pendidikan Tinggi Daruk Seri Idris Jusoh berkata, berdasarkan tempoh empat tahun kebelakangan ini, 9,990 lulusan universiti merasuk dalam bidang keusahawanan selepas tamat pengajian.

Menurutnya, pencapaian tertinggi pada tahun lalu iaitu 3,016 lulusan universiti berkecimpung dalam bidang keusahawanan berbanding 2,060 pada 2011.

"Justeru, bagi memastikan pembangunan keusahawanan di universiti berterusan dan lestari, pihak kementerian dengan kerjasama Majlis Keusahawanan Pengajian Tinggi Nasional (MKPTN) akan lanjutkan program tahunan berimpak tinggi iaitu Amalan Keusahawanan Kementerian Pendidikan (MEA) sejak 2012.

- Harian Metro  
3 November 2015

"Ia bagi mengukur institusi pengajian tinggi Malaysia yang menunjukkan kecemerlangan dalam pembangunan keusahawanan dan menggalakkan budaya serta ekosistem keusahawanan lebih kondusif," katanya pada sidang media selepas menghadiri mesyuarat mengenai pembangunan kajian keberkesanan pendidikan keusahawanan di Malaysia, semalam.

Pada masa sama, beliau berkata, 116 pemertaian di terima MEA untuk empat anggaran disodakan dan proses pernilahan ini berakhir kelmarin.

Katanya, majlis pengarahan MEA diadakan esok di The Royale Chulan, Kuala Lumpur dan universiti yang dilombong sebagai 'Entrepreneurial University' menerima ganjaran geran pembangunan keusahawanan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi sebanyak RM200,000.



IDRIS

## KPT Sasar Lima Peratus Penyertaan Graduan Dalam Bidang Keusahawanan

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) – Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yakin akan mencapai sasaran lima peratus daripada graduan yang menamakan pengajian terbaik dalam bidang keusahawanan menjelang 2020.

Timbalan Menterinya Datuk Mary Yap Kain Ching berkata pada kesempatan penyertaan graduan dalam bidang itu mencapai 3.5 peratus dan belum optimis jumlah itu akan meningkat.

"Saya sangat yakin dengan sasaran itu... selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 untuk melahirkan graduan yang holistik, berdaya keusahawanan, seimbang serta memperkasaan TVET (Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional) melalui aktiviti keusahawanan," katanya.

Mary Yap berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Penyampaian Anugerah Keusahawanan KPT di sini, malam ini. Turut hadir Menterinya Datuk Seri Idris Jusoh.

Yap berkata bidang keusahawanan penting bagi memenuhi keperluan industri negara selain memperluas rangkaian ke peringkat global.

Menyentuh pengajaran anugerah itu malam ini, Yap berkata ia dapat menggalak dan memperluas keahlian secara lebih mantap dan berterusan dalam kalangan institusi pengajian tinggi (IPT), tentamanya lagi membangkit kesedaran tentang pentingnya penglibatan IPT untuk memainkan peranan yang signifikan terhadap pendidikan dan pembangunan keusahawanan di institusi masing-masing.

Beliau berkata pengajaran anugerah berkenaan juga membantu kementerian itu memperoleh maklumat dan informasi terkini mengenai program dan aktiviti keusahawanan yang dilaksana IPT, di samping sebagai satu daripada proses penanda aras dan segi strategi pelaksanaan pembangunan dan pendidikan keusahawanan di peringkat IPT.

Anugerah Keusahawanan yang diperkenalkan oleh kementerian itu pada 2012 merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada IPT Malaysia yang menunjukkan kecemerlangan dalam pembangunan keusahawanan yang lebih kondusif.

Pada majlis itu, empat kategori utama diperlantik iaitu Institutional Award, Best Student Enterprise, Best Entrepreneurship Project dan Best Entrepreneurship Mentor/Coach.

Universiti Teknologi Mara (UiTM) mempertahankan gelaran juara buat kali ketiga bagi anugerah "Institutional Award" dalam kategori institusi pengajian tinggi awam.

Satu anugerah khas juri yang dinamakan "Special Merit Award" diaugurahkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) setelah juri menilai perkembangan universiti berkaitan dalam bidang keusahawanan.

– BERNAMA

- Bernama  
4 November 2015



Higher Education Minister Datuk Seri Idris Jusoh receiving the resolution book from Young Entrepreneurs Leadership Camp participant Nurul Farhana Bambang Sutio. Present are Deputy Higher Education Minister Datuk Mary Yap Kain Ching and Higher Education Ministry secretary-general Datuk Seri Dr Zaini Ujung.  
Pic by Ahmad Ihsan Mohd Noor

## 3pc to 5pc of grads to become entrepreneurs

**PUTRAJAYA:** By 2020, about three to five per cent of graduates are expected to become entrepreneurs.

Higher Education Minister Datuk Seri Idris Jusoh said the target was based on the significant increase in the number of graduates in entrepreneurship each year since the Institute of Higher Learning Entrepreneurship Development Policy was introduced.

"These last four years, more than 9,900 graduates have become entrepreneurs, with the highest number

of 3,016 recorded last year.

"It is a big increase from only 2,060 in 2011, proof that entrepreneurship education has a positive impact on the development of higher education in the country," he said after chairing a meeting of the National Higher Education Entrepreneurship Council, here yesterday.

"Meanwhile, Idris said the Unified Examination Certificate (UEC) could no longer be used to enter public universities as it was not in line with the National Education Policy.

He said entry into public universities must comply with the National Education Policy and everything related to it must be based on that.

"As such, public universities cannot accept UEC," he said in response to a statement by Selangor Menteri Besar Azmin Ali on Friday that the state government would accept UEC starting next year for students to pursue studies at Unisett.


Bernama

- New Straits Times  
3 November 2015

## Ringkasan Eksekutif

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) menggariskan 10 lonjakan utama dalam usaha untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang terbaik bagi membolehkan Malaysia bersaing di peringkat global. Selaras dengan aspirasi PPPM(PT) untuk menyemai minda keusahawanan ke dalam seluruh sistem pendidikan tinggi dan mewujudkan sistem pendidikan yang mampu melahirkan graduan bercirikan keusahawanan dan menjadi penjana pekerjaan, serta memastikan kemampaman kewangan Institusi pendidikan Tinggi (IPT) negara, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperkenalkan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020.

Pelan Tindakan ini merupakan kesinambungan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT yang diperkenalkan oleh KPT pada tahun 2010 dan Pelan Strategik Keusahawanan IPT 2013-2015. Dirangka berdasarkan pencapaian, cabaran dan keperluan semasa, Pelan Tindakan ini memfokuskan kepada 4 inisiatif utama berdasarkan 2 strategi di bawah Lonjakan 1 PPPM(PT) dengan mekanisme pengukuran dan sasaran masing-masing bagi tempoh 2016 hingga 2020 seperti berikut:






# Kandungan

<b>Mesej Menteri Pendidikan Tinggi</b>	ii
<b>Prakata Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi</b>	iv
<b>Ringkasan Eksekutif</b>	vii
<b>1.0 : LATAR BELAKANG</b>	1
<b>2.0 : STATUS DAN PENCAPAIAN SEMASA</b>	5
<b>3.0 : ISU DAN CABARAN</b>	11
<b>4.0 : STRATEGI DAN INISIATIF</b>	19
<b>• STRATEGI A : Membangunkan Kurikulum Holistik Dan Bersepadu</b>	22
Inisiatif 1: Melaksanakan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP) dengan menerapkan elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian	22
<b>• STRATEGI B : Mengukuhkan Sistem Sokongan Pembelajaran</b>	23
Inisiatif 1: Melaksanakan Rangka Kerja Penjana Pekerjaan atau <i>Job Creator Framework</i>	24
Inisiatif 2: Menambahbaik ekosistem yang menyokong pembangunan keusahawanan pelajar	25
Inisiatif 3: Memperkuatkan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan	26
<b>5.0 : RUMUSAN</b>	29
<b>Lampiran</b>	31
<b>Rujukan</b>	39
<b>Penghargaan</b>	40

# *Dasar dan Polisi*



# 1.0 Latar Belakang

Pelan Tindakan Keusahawanan

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

2016-2020

## Latar Belakang

Pendidikan dan keusahawanan merupakan dua aspek utama yang sentiasa diberi penekanan dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi dan inklusif. Penerapan dan pendedahan kepada budaya dan nilai-nilai keusahawanan merupakan satu proses pembelajaran yang dapat membuka ruang dan minda pelajar supaya menjadi lebih kreatif, inovatif dan berdaya maju di mana aspek ini dijangka mampu untuk menjana inovasi, peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap pada masa hadapan.

Usaha untuk memperkuatkan keusahawanan sama ada ke arah pemikiran keusahawanan (*entrepreneurial mindset*) ataupun kecenderungan untuk menjadi seorang usahawan melalui pendidikan juga telah terbukti mampu meningkatkan employabiliti graduan, menyelesaikan isu pengangguran dalam kalangan golongan muda, meningkatkan tahap sosio ekonomi sesebuah masyarakat dan mengurangkan jurang di antara golongan berada dan miskin.

Di samping itu, pendidikan keusahawanan merupakan mekanisme penting dalam usaha mentransformasikan hasil dan ciptaan saintifik terkini melalui pembangunan, penyelidikan dan inovasi (R&D&I) kepada suatu produk dan perkhidmatan yang bukan hanya mempunyai nilai komersil yang tinggi tetapi dapat dimanfaatkan bagi kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat.

Sebagai sebuah Kementerian yang menerajui pendidikan tinggi negara, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha untuk mempertingkat dan memajukan hubungan dan gabungan di antara keusahawanan dan pendidikan bagi menghasilkan satu kuasa pembangunan insan yang kental, berdaya keusahawanan, holistik dan seimbang daripada segi aspek ilmu dan akhlak seperti yang dihasratkan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

KPT telah memperkenalkan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi pada 13 April 2010 bertujuan untuk menggalak dan memantapkan pembangunan dan pendidikan keusahawanan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) secara lebih terancang dan holistik bagi:

- (i) Melahirkan insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan;
- (ii) Meningkatkan jumlah lulusan IPT yang mencebur ke bidang keusahawanan sebagai kerjaya; dan
- (iii) Membentuk ahli akademik, penyelidik dan pentadbir IPT yang berdaya usaha dan mempunyai minda keusahawanan.

Dalam memastikan pencapaian objektif ini, KPT telah menghasilkan Pelan Strategik Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi yang komprehensif dan pragmatik bagi tempoh 2013 hingga 2015. Pelan Strategik ini menggariskan 15 strategi utama dan tindakan yang perlu diambil oleh IPT tempatan bagi menjayakan agenda keusahawanan IPT berpaksikan 6 teras strategik Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT seperti **Rajah 1** berikut:

**Rajah 1 : 6 Teras Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT dan 15 Strategi Pelan Strategik Keusahawanan IPT**

## 6 TERAS DASAR

Teras 1: Memantapkan pusat keusahawanan di setiap IPT

Teras 2 :  
Menyediakan pendidikan dan program keusahawanan yang terancang dan holistik

Teras 3 :  
Memantapkan program pembangunan dan pengukuhan keusahawanan

Teras 4:  
Mengukuhkan kompetensi tenaga pengajar


Teras 5:  
Menyediakan persekitaran dan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan keusahawanan

Teras 6:  
Meningkatkan keberkesan pelaksanaan pendidikan dan pembangunan keusahawanan IPT

### 15 STRATEGI DI BAWAH PELAN

1	Memperkasa dan memantapkan fungsi pusat keusahawanan di IPT
2	Meningkatkan sistem perancangan dan penyampaian pusat keusahawanan
3	Menerapkan nilai dan ciri-ciri keusahawanan dalam kaedah pengajaran merentasi kurikulum
4	Meningkatkan elemen praktikal dalam pengajaran keusahawanan
5	Meningkatkan penglibatan pihak industri dalam proses pembelajaran dan pengajaran
6	Meningkatkan penglibatan pelajar secara aktif dalam program keusahawanan
7	Mengukuh dan meluaskan sistem sokongan untuk perniagaan pelajar
8	Menawarkan program intervensi dan pengwujudan berimpak tinggi kepada pelajar berkecenderungan tinggi terhadap kerjaya keusahawanan
9	Menggalakkan pembangunan program-program keusahawanan sosial berasaskan perniagaan yang memanfaatkan pelajar, industri, dan masyarakat.
10	Menambah bilangan tenaga pengajar dan pembimbing keusahawanan IPT
11	Mengatasi jurang pengetahuan ilmu teori dan praktikal dan keusahawanan dalam kalangan tenaga pengajar IPT
12	Meningkatkan kemahiran dan kompetensi tenaga pengajar dan pembimbing keusahawanan
13	Meningkatkan komitmen pengurusan tertinggi IPT
14	Meningkatkan komitmen dan penglibatan seluruh warga
15	Mewujudkan instrumen yang bersesuaian bagi mengukur keberkesan dan impak program pendidikan dan pembangunan keusahawanan

# Kisah kejayaan



# **2.0** Status dan Pencapaian Semasa

Pelan Tindakan Keusahawanan

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

2016-2020

## **Status Dan Pencapaian Semasa**

Setelah lima tahun pelaksanaan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT dan pelbagai inisiatif di bawah Pelan Strategik Keusahawanan IPT 2013-2015, kepekaan dan penerimaan IPT tempatan terhadap kepentingan dan agenda pendidikan keusahawanan telah dapat dipertingkatkan dengan jayanya. Ini terbukti dengan peningkatan tahap penglibatan dan penyertaan pelajar di dalam program dan aktiviti keusahawanan IPT yang menunjukkan peningkatan ketara daripada kurang 20% pada tahun 2011 kepada lebih 50% pada tahun 2015.

Kesemua 20 universiti awam termasuk Jabatan Pendidikan Politeknik dan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti juga telah menujuhkan pusat keusahawanan sebagai sebuah pusat tanggungjawab yang berperanan untuk merancang, menilai dan memantau pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan dan pendidikan keusahawanan serta bertindak sebagai pusat sehenti bagi agenda keusahawanan di institusi masing-masing.


Kajian yang dijalankan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC, 2015) menunjukkan bahawa komitmen pengurusan tertinggi IPT terhadap agenda keusahawanan IPT adalah baik di mana majoritinya telah menjadikan pembangunan dan pendidikan keusahawanan sebagai salah satu agenda utama dan petunjuk prestasi institusi masing-masing.

Kajian ini juga mendapati bahawa pelbagai inisiatif di bawah Dasar dan Pelan Strategik Keusahawanan IPT telah memberikan impak yang positif terhadap kesediaan pelajar IPT untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Dapatkan kajian ini adalah selari dengan statistik KPT yang menunjukkan peningkatan jumlah lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan sebaik sahaja selepas menamatkan pengajian bagi tempoh 2013 sehingga 2015 seperti yang dipaparkan di **Rajah 2** dengan jumlah keseluruhan sebanyak 7,012 orang<sup>1</sup>.

Peningkatan ini selaras dengan data yang dilaporkan oleh MPC di dalam Kajian Pendidikan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia 2015 seperti di **Rajah 3**, di mana jumlah pendaftaran perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) oleh penduduk Malaysia yang berumur di antara 23 hingga 26 tahun telah meningkat secara konsisten bagi tempoh 2010 hingga 2014.


**Pelan Tindakan Keusahawanan**  
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI 2016-2020

**Rajah 2 : Bilangan lulusan pelajar IPT yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian**



Sumber : Critical Agenda Project (CAP) Keusahawanan 2013-2015

**Rajah 3 : Jumlah pendaftaran perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang didaftarkan oleh penduduk Malaysia yang berumur di antara 23-26 tahun**




Sumber : Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), 2015

1 Bilangan lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan dalam tempoh 3 hingga enam 6 bulan selepas tamat pengajian. Hanya merujuk kepada lulusan Sarjana Muda dan Diploma bagi universiti awam, serta lulusan Diploma bagi Politeknik.

Laporan *Global Entrepreneurship Monitor* (GEM) 2014 pula menunjukkan penambahbaikan prestasi warga Malaysia dalam aspek keusahawanan. Antaranya, kekhuitiran individu terhadap kegagalan (*fear of failure*) telah berkurangan, manakala persepsi mengenai keupayaan diri (*perceived capabilities*) serta terhadap keterbukaan peluang (*perceived opportunities*) telah meningkat seperti di **Rajah 4**. Trend semasa pula menunjukkan bahawa warga Malaysia lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan kerana dorongan peluang (*opportunity-driven*) berbanding dorongan keperluan (*necessity-driven*) (GEM, 2014).

**Rajah 4 : Kadar kekhuitiran individu terhadap kegagalan (*fear of failure*), persepsi mengenai keupayaan diri (*perceived capabilities*) dan terhadap keterbukaan peluang (*perceived opportunities*) penduduk Malaysia dalam aspek keusahawanan**




Sumber : *Global Entrepreneurship Monitor Report (2012-2014)*

# Pelan Tindakan Keusahawanan INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI 2016-2020

**Rajah 5** menunjukkan pencapaian keseluruhan agenda keusahawanan IPT seperti yang telah digariskan di bawah Pelan Strategik Keusahawanan IPT 2013-2015. Berdasarkan penelitian terhadap pencapaian semasa, tidak dapat dinafikan bahawa usaha dan inisiatif untuk menerapkan budaya, nilai dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia telah menampakkan hasil yang positif. Pencapaian ketara ialah penerimaan pelajar terhadap agenda keusahawanan melalui penglibatan mereka dalam aktiviti pendedahan dan pembudayaan keusahawanan. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak lagi ruang penambahbaikan yang perlu diambil perhatian bagi mengatasi beberapa isu dan cabaran yang berpotensi untuk menjadi penghalang kepada kejayaan agenda keusahawanan IPT untuk melahirkan insan yang berkualiti dan mempunyai nilai dan minda keusahawanan.

## Rajah 5 : Pencapaian Pelan Strategik Keusahawanan IPT 2013-2015






# **3.0 Isu dan Cabaran**

**Pelan Tindakan Keusahawanan**  
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI  
**2016-2020**

## Isu Dan Cabaran

Isu dan cabaran dikenalpasti dalam pembangunan keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang perlu diberi perhatian dan ditangani adalah seperti berikut:



### 1. PENERAPAN KEUSAHAWANAN MERENTASI KURIKULUM

Pendidikan keusahawanan adalah satu proses pembelajaran yang bertujuan untuk membentuk sikap, nilai, semangat dan minda serta kemahiran keusahawanan dalam diri individu ataupun komuniti sesebuah masyarakat. Sehubungan itu, penerapan elemen keusahawanan perlu diberikan perhatian yang serius dalam perancangan, pengurusan dan pelaksanaan kurikulum bagi kursus-kursus aliran perdana di IPT. Walaupun terdapat peningkatan aktiviti dan program keusahawanan di IPT, aktiviti dan program-program ini masih banyak dilaksanakan di luar kurikulum pelajar. Ini menyebabkan kesukaran bagi pelajar untuk mengimbangi masa di antara keperluan akademik dan aktiviti keusahawanan (MPC, 2015).

Ketidaaan satu garis panduan bagi menerapkan elemen dan nilai-nilai keusahawanan merentasi kurikulum juga menyebabkan aspek ini sukar untuk dilaksanakan secara lebih terancang dan efektif di kebanyakan IPT tempatan. Usaha untuk menerapkan nilai dan elemen keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran memerlukan penstrukturkan semula yang rapi serta transformasi budaya kerja yang baharu kerana setiap institusi pendidikan tinggi iaitu universiti, politeknik dan kolej komuniti mempunyai visi, misi dan objektif tersendiri, di samping mempunyai perbezaan dalam beberapa aspek seperti budaya, norma dan tradisi dalam pengajaran serta penekanan terhadap penyelidikan dan bidang-bidang pengajian tertentu.



## **2. KURANG PENYERTAAN DAN PENGLIBATAN AHLI AKADEMIK, PENYELIDIK DAN PENTADBIR**

Membudayakan nilai dan atribut keusahawanan di sebuah IPT memerlukan penglibatan dan sokongan warga IPT berkenaan. Walaupun penglibatan dan penyertaan pelajar IPT dalam aktiviti dan program keusahawanan telah berjaya dipertingkatkan dengan ketara, penglibatan dan penyertaan dalam kalangan ahli akademik, penyelidik dan pentadbir IPT masih berada di tahap yang rendah (MPC, 2015). Pelbagai faktor telah dikenalpasti sebagai kemungkinan yang menyumbang kepada ketidakseimbangan ini. Antaranya ialah sumbangan kepada aktiviti dan program keusahawanan tidak memberikan merit atau diambil kira sebagai penyumbang kepada kenaikan pangkat warga IPT sama ada ahli akademik maupun pentadbiran.

Keusahawanan juga difahami dan dilihat daripada perspektif yang sempit sebagai usaha untuk menggalakkan pelajar membuka dan menjalankan perniagaan semata-mata dan bukannya sebagai satu proses pembelajaran yang dapat membentuk insan yang lebih berdaya usaha, berdaya maju, kreatif dan inovatif. Agenda ini bukan sahaja disasarkan untuk kalangan pelajar, malah ianya juga disasarkan terhadap kalangan ahli akademik, penyelidik dan pentadbir IPT.

Sekiranya warga IPT daripada pelbagai latar belakang dapat diterapkan dengan minda dan budaya keusahawanan, sebuah IPT itu akan lebih berdaya maju dan berdaya saing bukan sahaja di peringkat lokal malah di peringkat antarabangsa. Budaya keusahawanan juga mampu untuk memastikan bahan kajian dan penyelidikan IPT tidak akan berakhir dengan output atau hasil yang tidak dapat dikomersilkan atau dimanfaatkan oleh masyarakat.

### 3. KEBERGANTUNGAN KEPADA DANA KERAJAAN

Kebergantungan kepada dana kerajaan bagi menjalankan aktiviti dan program keusahawanan di IPT di Malaysia masih berada di tahap yang tinggi. Walaupun terdapat usaha bagi IPT tempatan untuk menjana pendapatan sendiri seperti yang digariskan di bawah Pelan Strategik Keusahawanan IPT 2013-2015, namun ianya masih lagi berada di tahap minimum jika dibandingkan dengan IPT di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jerman.

### 4. PERATURAN DALAMAN YANG MENGEKANG

Pelaksanaan strategi yang agresif untuk menjayakan agenda keusahawanan IPT memerlukan penilaian semula polisi, prosedur atau peraturan yang mengekang. Apabila keusahawanan diletakkan sebagai agenda penting yang perlu dilaksanakan oleh IPT, terdapat kemungkinan akan berlaku konflik antara penggerak agenda dan pihak pentadbir yang menjalankan tugasannya mereka mengikut polisi dan peraturan sedia ada tanpa fleksibiliti dan kewajaran kerana khuatir menyalahi peraturan berkenaan. Pelaksanaan strategi seperti memberi pinjaman modal kepada perniagaan pelajar, membenarkan syarikat dan koperasi pelajar menjadi pembekal kepada IPT, membenarkan ahli akademik dan pentadbir menjalankan perniagaan merupakan contoh-contoh perkara melibatkan peraturan yang memerlukan penelitian dan penilaian semula.


### 5. KEUSAHAWANAN SEBAGAI KERJAYA PILIHAN YANG BAIK

Walaupun terdapat peningkatan yang konsisten terhadap bilangan lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan sebaik sahaja selepas menamatkan pengajian, peratusannya masih sangat kecil iaitu sekitar 2% sahaja daripada jumlah mereka yang bergraduat setiap tahun. Data ini selari dengan laporan GEM 2014 yang mendapati hanya 50.37% rakyat Malaysia melihat keusahawanan sebagai satu pilihan kerjaya yang baik. Fenomena ini mungkin akan membataskan kecenderungan golongan muda untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya, terutama apabila ianya mendapat tentangan daripada ibu bapa dan keluarga.

# Pelan Tindakan Keusahawanan INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI 2016-2020

Pencapaian Malaysia juga rendah dari aspek hasrat menjadi usahawan (*entrepreneurial intention*), iaitu peratusan individu yang dijangka memulakan perniagaan dalam tempoh tiga tahun akan datang dan kadar *Total Early-Stage Entrepreneurial Activity* (TEA) iaitu peratusan individu yang sedang dalam proses untuk memulakan perniagaan serta mereka yang baharu sahaja menjalankan perniagaan kurang daripada 3½ tahun seperti di paparkan di **Rajah 6** (UNIRAZAK, 2015).


**Rajah 6 : Kadar *Entrepreneurial Intention & Total Early-Stage Entrepreneurial Activity* (TEA) di 6 Negara ASEAN bagi tahun 2014**



Sumber : UNIRAZAK (2015)

Sehubungan itu, adalah amat kritikal bagi Malaysia untuk memberi perhatian yang serius dan menambahbaik komponen pendidikan dan latihan keusahawanan khususnya dalam sistem pendidikan tinggi negara. Usaha berterusan perlu bagi menerapkan budaya dan minda keusahawanan dalam kalangan pelajar dan juga sebagai usaha melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan lulusan IPT. Sebagai pengusaha sesebuah perniagaan, secara tidak langsung mereka juga menjadi penjana pekerjaan. Ini adalah bertepatan dengan hasil kajian yang mendapati bahawa 70% pekerjaan adalah dijana oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (Lim & Grant, 2014).







# 4.0 Strategi dan Inisiatif

Pelan Tindakan Keusahawanan

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

2016-2020

## Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 Strategi Dan Inisiatif

KPT telah menghasilkan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)** atau **PPPM (PT)** pada tahun 2015 bagi mempertingkatkan kualiti dan sistem pendidikan tinggi negara agar sentiasa relevan, berdaya saing dan seiring dengan perubahan global serta trend terkini. Sebanyak **10 lonjakan** telah dikenalpasti di bawah pelan ini seperti ditunjukkan dalam **Rajah 7**. KPT mensasarkan **sistem baharu pendidikan tinggi** bagi mencapai matlamat khusus seperti berikut:

- (i) Menyemai minda keusahawanan dalam seluruh sistem pendidikan tinggi dan mewujudkan ekosistem pendidikan tinggi yang kondusif bagi melahirkan 'penjana pekerjaan' dan bukan sahaja 'pencari pekerjaan' dalam kalangan lulusan IPT;
- (ii) Membangunkan sistem pendidikan tinggi yang memberi tumpuan tidak hanya kepada laluan akademik biasa tetapi juga kepada pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET);
- (iii) Memberi tumpuan kepada keberhasilan melebihi input, di samping mengaplikasikan teknologi dan inovasi dan konsep pembelajaran bersepadu bagi memenuhi keperluan serta meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar;
- (iv) Mengharmonikan kawalselia antara IPT awam dan swasta dan peralihan daripada sistem pentadbiran berpusat kepada model '*earned autonomy*' dalam rangka kerja perundungan yang ditetapkan; dan
- (v) Memastikan kemampunan kewangan sistem pendidikan tinggi dengan mengurangkan kebergantungan pada sumber kerajaan sebaliknya perlu lebih dinamik dalam menjana dana dan pendapatan daripada pelbagai sumber.



## Pelan Tindakan Keusahawanan INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI 2016-2020

Rajah 7 : 10 Lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025  
(Pendidikan Tinggi)



Justeru itu, **Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020** diperkenalkan sebagai usaha untuk melestari pelaksanaan pendidikan dan pembangunan keusahawanan IPT serta memastikan pencapaian matlamat PPPM (PT). Ianya dibuat dengan mengambil kira pencapaian, cabaran dan keperluan semasa. Bagi menjayakan agenda keusahawanan IPT, Pelan Tindakan ini menggariskan **4 inisiatif utama** berdasarkan 2 strategi di bawah Lonjakan 1 PPPM (PT) dengan mekanisme pengukuran dan sasaran masing-masing untuk tempoh 5 tahun iaitu tahun 2016 hingga 2020.

## **STRATEGI A : Membangunkan Kurikulum Holistik Dan Bersepadu**

Pembentukan **kurikulum yang holistik dan bersepadu** merupakan strategi pertama di bawah Lonjakan 1 PPPM (PT) iaitu "Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang". Di bawah strategi ini, IPT perlu merekabentuk kurikulum yang holistik, bersepadu dan dijajarkan secara konstruktif dengan menekankan penggunaan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP) serta berdasarkan pencapaian hasil pembelajaran dan berpusatkan pelajar.

### **Inisiatif 1: Melaksanakan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP) dengan menerapkan elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian.**

- **Tindakan**
  - (i) Memperkenalkan program akademik keusahawanan pra dan pasca siswazah yang melibatkan 50% pembelajaran dijalankan di kampus, sementara 50% lagi di luar kampus atau pembelajaran di industri dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS);
  - (ii) Menambahbaik pengajaran subjek keusahawanan dengan mempertingkatkan komponen praktikal kepada sekurang-kurangnya 40%; dan
  - (iii) Memperkenalkan minor keusahawanan atau laluan keusahawanan atau seumpama dengannya dalam program akademik perdana.
- **Mekanisme Pengukuran**

Peratusan pelajar IPT yang mendapat pendedahan keusahawanan semasa dalam pengajian.
- **Sasaran**

100% pelajar IPT mendapat pendedahan kepada nilai dan atribut keusahawanan menjelang tahun 2020.

## STRATEGI B: Mengukuhkan Sistem Sokongan Pembelajaran

Strategi Kedua di bawah Lonjakan 1, PPPM (PT) ini menggesa agar KPT dan IPT menyediakan **sistem sokongan pembelajaran yang produktif**. Antaranya ialah langkah-langkah pengukuhan penyelarasan aktiviti pembangunan pelajar, pembentukan rangka kerja untuk menggalakkan graduan menjadi usahawan dan juga pengiktirafan pengajaran yang berinovasi dan cemerlang.

### Inisiatif 1: Melaksanakan Rangka Kerja Penjana Pekerjaan ataupun Job Creator Framework

Rangka kerja ini akan memberikan penekanan kepada **tiga fasa** utama untuk membantu dan menggalakkan lebih ramai graduan menjadi usahawan. Fasa-fasa tersebut ialah:

- (1) menerapkan nilai dan atribut keusahawanan di peringkat awal pengajian pelajar;
- (2) membuka peluang pembelajaran keusahawanan (*entrepreneurial learning*) yang lebih meluas kepada pelajar; dan
- (3) menyokong pelajar untuk membuka dan memperluaskan perniagaan.

Kerangka konsep Job Creator Framework ini adalah seperti di **Rajah 8** berikut:

**Rajah 8 : Job Creator Framework**



• **Tindakan**

- (i) Menambahbaik program keusahawanan berstruktur iaitu *siswapreneur* mengikut kluster perniagaan seperti peruncitan, agrikultur, teknologi kejuruteraan, teknologi komunikasi dan maklumat, industri kreatif dan multimedia, sukan dan sebagainya;
- (ii) Menambahbaik dan mempertingkatkan program keusahawanan sosial pelajar iaitu *Siswa in Social Enterprise* (SISE) dengan penglibatan warga IPT iaitu pelajar, pensyarah dan pentadbir;
- (iii) Menambah bilangan dan mengiktiraf program sangkutan, perantisan, pementoran atau bimbingan keusahawanan sebagai alternatif kepada keperluan latihan industri pelajar; dan
- (iv) Memberi pengiktirafan sewajarnya kepada pelajar yang cemerlang dalam aspek keusahawanan untuk menjadi motivasi kepada pelajar lain.

• **Mekanisme Pengukuran**

Peratusan lulusan IPT menceburui bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian.

• **Sasaran**

5% daripada jumlah pelajar IPT yang bergraduat bekerja sendiri atau menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan menjelang tahun 2020.



## Inisiatif 2: Menambahbaik ekosistem yang menyokong pembangunan keusahawanan pelajar

### • Tindakan

- (i) Memperkenalkan dasar 'green lane' untuk perniagaan milik pelajar dan koperasi pelajar agar berpeluang menjadi antara pembekal perkhidmatan kepada IPT masing-masing dalam julat tertentu;
- (ii) Menambahbaik dan memperbanyakkan kemudahan pembiayaan awal (seed funding) kepada perniagaan baru ditubuhkan pelajar (students' start-ups);
- (iii) Menambahbaik infrastruktur dan sistem sokongan untuk pembangunan keusahawanan pelajar termasuk ruang dan peluang perniagaan, inkubator, khidmat nasihat dan bimbingan daripada usahawan sebenar serta kehadiran 'role model' dalam kalangan usahawan muda yang berjaya; dan
- (iv) Mengubah *mindset* ibubapa tentang kerjaya keusahawanan melalui pelbagai saluran media dan program-program anjuran IPT seperti semasa minggu orientasi dan konvokesyen.

### • Mekanisme Pengukuran

Peratusan pelajar IPT menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian.

### • Sasaran

15% pelajar IPT terlibat dengan aktiviti perniagaan semasa dalam pengajian menjelang tahun 2020.



### **Inisiatif 3: Memperkuatkan kompetensi tenaga pengajar dan pembimbing keusahawanan**

Keberkesanannya pendidikan keusahawanan amat bergantung kepada kompetensi tenaga pengajar dan pembimbing keusahawanan. Sehubungan itu, kompetensi mereka perlu sentiasa dipertingkatkan bagi memastikan penyampaian dan pelaksanaan program keusahawanan di IPT dapat memberikan impak yang positif kepada proses pembelajaran pelajar.

- **Tindakan**

- (i) Mengambilkira aspek keusahawanan dan penglibatan tenaga pengajar dalam aktiviti keusahawanan sebagai salah satu kriteria dalam kenaikan pangkat dan laluan kerjaya;
- (ii) Memperluaskan skop program sabatikal akademik kepada program sangkutan di industri, PKS dan komuniti;
- (iii) Memperkenalkan ganjaran dan insentif untuk kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan keusahawanan; dan
- (iv) Menggalakkan lebih ramai penyertaan tenaga pengajar dari luar institusi dalam kalangan industri, PKS dan usahawan sebenar untuk terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran di IPT.

- **Mekanisme Pengukuran**

Bilangan tenaga pengajar dalam dan tenaga pengajar luar yang mempunyai kepakaran keusahawanan dan membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar.

- **Sasaran**

1500 tenaga pengajar mempunyai kepakaran keusahawanan dan menjadi penasihat atau mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar menjelang tahun 2020.





# 5.0 Rumusan

Pelan Tindakan Keusahawanan

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

2016-2020

## Rumusan

Pembangunan dan pendidikan keusahawanan merupakan agenda penting dalam memastikan sistem pendidikan tinggi negara sentiasa berdaya saing dan melangkah ke hadapan mengikut permintaan dan trend global pada masa kini. Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 memberi penekanan terhadap pengukuhan ekosistem dalam melahirkan lulusan IPT yang mempunyai orientasi pemikiran keusahawanan dan graduan yang cenderung terhadap kerjaya sebagai usahawan dan mencipta peluang pekerjaan.

Kepentingan kumpulan *enablers* yang terdiri daripada ahli akademik dan pentadbir juga diberi perhatian dalam merangka strategi bagi memastikan agenda keusahawanan IPT dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Sokongan dan komitmen berterusan pengurusan tertinggi IPT perlu dipertingkatkan dengan meneliti semula polisi dan peraturan sedia ada bagi membolehkan IPT melaksanakan strategi yang lebih pro-keusahawanan.

Manifestasi agenda keusahawanan di IPT diukur melalui beberapa pencapaian utama seperti bilangan dan impak penglibatan pelajar dalam aktiviti dan pembelajaran keusahawanan serta pertambahan tenaga akademik yang kompeten dan mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan keusahawanan. Penekanan impak agenda keusahawanan di IPT ialah terhadap kesan jangka panjang dari proses pembelajaran berkenaan dalam melahirkan dan membangunkan insan yang berkualiti untuk menyumbang kepada pembangunan negara.







---

# Lampiran

---

Pelan Tindakan Keusahawanan  
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI  
2016-2020

## Jadual Strategi Dan Inisiatif

### Strategi A : Membangunkan Kurikulum Holistik Dan Bersepadu

Inisiatif	Tindakan/Aktiviti	Mekanisme Pengukuran	Sasaran
1. Melaksanakan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP) dengan menerapkan elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Memperkenalkan program akademik keusahawanan pra dan pasca siswazah yang melibatkan 50% pembelajaran dijalankan di kampus, sementara 50% lagi di luar kampus atau pembelajaran di industri dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).</li> <li>(ii) Menambahbaik pengajaran subjek keusahawanan dengan mempertingkatkan komponen praktikal kepada sekurang-kurangnya 40%.</li> <li>(iii) Memperkenalkan minor keusahawanan atau laluan keusahawanan atau seumpama dengannya dalam program akademik perdana.</li> </ul>	Peratusan pelajar IPT yang mendapat pendedahan keusahawanan semasa dalam pengajian.	100% pelajar IPT mendapat pendedahan kepada nilai dan atribut keusahawanan menjelang tahun 2020.

### Strategi B : Mengukuhkan Sistem Sokongan Pembelajaran

Inisiatif	Tindakan/Aktiviti	Mekanisme Pengukuran	Sasaran
1. Melaksanakan rangka kerja penjana pekerjaan ( <i>job creator framework</i> ).	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Menambahbaik program keusahawanan berstruktur iaitu <i>siswapreneur</i> mengikut kluster perniagaan seperti peruncitan, agrikultur, teknologi kejuruteraan, teknologi komunikasi dan maklumat, industri kreatif dan multimedia, sukan dan sebagainya.</li> <li>(ii) Menambahbaik dan mempertingkatkan program keusahawanan sosial pelajar iaitu <i>Siswa in Social Enterprise</i> (SISE) dengan penglibatan warga IPT iaitu pelajar, pensyarah dan pentadbir.</li> <li>(iii) Menambah bilangan dan mengiktiraf program sangkutan, perantisan, pementoran atau bimbingan keusahawanan sebagai alternatif kepada keperluan latihan industri pelajar.</li> <li>(iv) Memberi pengiktirafan sewajarnya kepada pelajar yang cemerlang dalam aspek keusahawanan untuk menjadi motivasi kepada pelajar lain.</li> </ul>	Peratusan lulusan IPT menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian.	5% daripada jumlah pelajar yang bergraduat bekerja sendiri atau menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan menjelang tahun 2020.

**Strategi B : Mengukuhkan Sistem Sokongan Pembelajaran**

Inisiatif	Tindakan/Aktiviti	Mekanisme Pengukuran	Sasaran
2. Menambahbaik ekosistem yang menyokong aktiviti keusahawanan pelajar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Memperkenalkan dasar 'green lane' untuk perniagaan milik pelajar dan koperasi pelajar agar berpeluang menjadi pembekal kepada IPT masing-masing dalam julat tertentu.</li> <li>(ii) Menambahbaik dan memperbanyakkan kemudahan pembiayaan awal (<i>seed funding</i>) kepada perniagaan baru ditubuhkan pelajar (<i>students' start-ups</i>).</li> <li>(iii) Menambahbaik infrastruktur dan sistem sokongan untuk pembangunan keusahawanan pelajar termasuk ruang dan peluang perniagaan, inkubator, khidmat nasihat dan bimbingan daripada usahawan sebenar serta kehadiran '<i>role model</i>' dalam kalangan usahawan muda yang berjaya.</li> <li>(iv) Mengubah <i>mindset</i> ibubapa tentang kerjaya keusahawanan melalui pelbagai saluran media dan program-program anjuran IPT seperti semasa minggu orientasi dan konvokesyen.</li> </ul>	Peratusan pelajar IPT menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian	15% pelajar IPT terlibat dengan aktiviti perniagaan semasa dalam pengajian menjelang tahun 2020.

### Strategi B : Mengukuhkan Sistem Sokongan Pembelajaran

Inisiatif	Tindakan/Aktiviti	Mekanisme Pengukuran	Sasaran
3. Memperkuatkan kompetensi tenaga pengajar dan pembimbing keusahawanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Mengambil kira aspek keusahawanan dan penglibatan tenaga pengajar dalam aktiviti keusahawanan sebagai salah satu kriteria dalam kenaikan pangkat dan laluan kerjaya</li> <li>(ii) Memperluaskan skop program sabatical akademik kepada program sangkutan di industri, PKS dan komuniti.</li> <li>(iii) Memperkenalkan ganjaran dan insentif untuk kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan keusahawanan.</li> <li>(iv) Menggalakkan lebih ramai penyertaan tenaga pengajar dari luar institusi dalam kalangan industri dan usahawan sebenar untuk terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran di IPT.</li> </ul>	Bilangan tenaga pengajar dalam dan tenaga pengajar luar yang mempunyai kepakaran keusahawanan dan membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar menjelang tahun 2020.	1500 tenaga pengajar mempunyai kepakaran keusahawanan dan menjadi penasihat atau mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar menjelang tahun 2020.

## Senarai Data dan Statistik

Rujukan	Perkara
Rajah 1	6 Teras Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT dan 15 Strategi Pelan Strategik Keusahawanan IPT
Rajah 2	Bilangan lulusan pelajar IPT yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian
Rajah 3	Jumlah pendaftaran perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang didaftarkan oleh penduduk Malaysia yang berumur di antara 23-26 tahun
Rajah 4	Kadar kekhuatiran individu terhadap kegagalan ( <i>fear of failure</i> ), persepsi mengenai keupayaan diri ( <i>perceived capabilities</i> ) dan terhadap keterbukaan peluang ( <i>perceived opportunities</i> ) penduduk Malaysia dalam aspek keusahawanan
Rajah 5	Pencapaian Pelan Strategik Keusahawanan IPT 2013-2015
Rajah 6	Kadar <i>Entrepreneurial Intention &amp; Total Early-Stage Entrepreneurial Activity (TEA)</i> di 6 Negara ASEAN bagi tahun 2014
Rajah 7	10 Lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)
Rajah 8	<i>Job Creator Framework</i>

## Rujukan

- Global Entrepreneurship Monitor (GEM) (2014). *Global Entrepreneurship Monitor 2014 Global Report*.
- Global Entrepreneurship Monitor (GEM). (2013). *Global Entrepreneurship Monitor 2013 Global Report*.
- International Labour Organization (ILO). (2013). *Global Employment Trend for Youth*. Geneva: International Labour Office.
- Jacqui Kew, Mike Herrington, Yana Litovsky, Helen Gale. (2013). *GEM YBI Youth Report: The State of Global Youth Entrepreneurship*. *Global Entrepreneurship Monitor (GEM)*, Youth Business International (YBI).
- KPM. (2014). Perangkaan Pendidikan Negara : Sektor Pengajian Tinggi 2013 Putrajaya: Kementerian Pendidikan.
- KPM. (2013). Perangkaan Pendidikan Negara: Sektor Pengajian Tinggi 2012. Putrajaya: Kementerian Pendidikan.
- KPM. (2012). Perangkaan Pendidikan Negara : Sektor Pengajian Tinggi 2011. Putrajaya: Kementerian Pendidikan.
- KPT. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- KPT. (2013). Pelan Strategik Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi : 2013-2015. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- KPT. (2013). Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2012. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- KPT. (2012). Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2011. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- KPT. (2011). Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2010. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- KPT. (2011). Perangkaan Pendidikan Negara : Sektor Pengajian Tinggi 2010. Putrajaya: Kementerian Pendidikan.
- KPT. (2010). Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- KPT. (2007). Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Lim, C., & Grant, A. (2014). *Unleashing Youth in Asia: Solving for the "Triple-E" challenge of youth: Education, Employment and Engagement*. McKinsey Center for Government.
- MPC. (2015). *A Study on Entrepreneurship Education in Higher Learning Institutions, Malaysia*. Kuala Lumpur : Malaysia Productivity Corporation.
- UNIRAZAK. ( 2015). *Entrepreneurship trends in Malaysia: A National Five Year (2009-2013) Longitudinal Study Using GEM Methodology*. Kuala Lumpur: Universiti Tun Abdul Razak.
- United Nations Children's Fund (UNICEF). (2012). *When The Global Crisis And Youth Bulge Collide, Double the Jobs Trouble for Youth*. UNICEF.
- World Economic Forum (WEF). (2009). *Educating the Next Wave of Entrepreneurs: Unlocking Entrepreneurial Capabilities to Meet the Global Challenges of the 21st Century*. Switzerland: World Economic Forum.

## Penghargaan

AHLI MAJLIS KEUSAHAWANAN PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

PENGURUSAN TERTINGGI DAN WARGA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

PENGURUSAN TERTINGGI DAN WARGA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

SEKRETARIAT PENGARAH-PENGARAH PUSAT KEUSAHAWANAN INSTITUSI  
PENDIDIKAN TINGGI

RAKAN KERJASAMA KEMENTERIAN DAN AGENSI PEMBANGUNAN  
KEUSAHAWANAN

RAKAN KERJASAMA INDUSTRI DAN PERUSAHAAN

MEREKA YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG DALAM  
PENULISAN BUKU PELAN TINDAKAN KEUSAHAWANAN INSTITUSI PENDIDIKAN  
TINGGI 2016-2020



**Nota**

